

# Tak ramai peduli hal universiti

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

UB 20-04-2012 A6

KOTA KINABALU:

Hanya 15 hingga 20 peratus daripada 17 ribu pelajar UMS peka dengan perkembangan semasa universiti.

Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Datuk Dr Kasim Md Mansur, berkata peratusan yang selebihnya pula melibatkan pelajar yang berada dalam dunia mereka sendiri.

Beliau berkata, pelajar sepatutnya mengemaskini dirimereka dengan maklumat semasa terutamanya perkembangan dalam kampus.

"Mereka sepatutnya menggunakan peluang di universiti bagi meningkatkan

potensi diri mereka.

"Perkara ini perlu kerana cabaran semasa pasaran kerja adalah amat sengit," katanya.

Tambahnya, dengan jumlah graduan yang semakin bertambah, kita tidak nafikan persaingan untuk mendapat pekerjaan semakin sukar.

"Malah, persaingan itu juga disumbangkan oleh kenyataan bahawa semakin ramai graduan mencatatkan pencapaian cemerlang," katanya.

Beliau berkata, keputusan peperiksaan yang cemerlang sebenarnya tidak bermakna jika pelajar tiada kemahiran insaniah sebagai nilai tambah.

Kerana itu, beliau berkata, segulung ijazah tidak lagi



**DEKAN SPKS, Prof Madya Dr Murnizam Halik (kanan) menyampaikan cendera kenangan kepada Kasim (tengah). Turut kelihatan, Timbalan Dekan SPKS, Prof Madya Dr Balan Rathakrishnan (kiri).**

menjadi syarat majikan memilih pekerja.

Kasim berkata, kemahiran insaniah yang ada dalam diri pelajar menjadi nilai tambah yang membezakan mereka dengan calon-calon lain yang memohon pekerjaan yang sama.

Tegasnya, keadaan ini perlu diubah kerana pelajar harus bersedia untuk memasuki dunia pasaran kerja yang lebih luas.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Sehari Pembangunan Jati Diri Belia anjuran Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial UMS, kelmarin.

Bagi pelajar SPKS, katanya, peluang kerja pelajar amat luas kerana bidang psikologi dan kaunseling relevan dalam

pelbagai sektor dan bidang.

Bagaimanapun, tambahnya, bergantung kepada diri pelajar sendiri dalam berusaha meyakinkan bakal majikan mereka kelak.

Dalam pada itu, beliau berkata UMS sentiasa menyokong usaha penganjuran program peningkatan motivasi dan keyakinan diri pelajar seumpama itu.

"Penganjuran program seperti ini tepat pada masanya untuk mendedahkan pelajar tahun akhir dengan ilmu dan kemahiran asas bersaing dalam pasaran kerja," katanya.

Beliau turut mendedahkan dengan peruntukan RM1.5 juta, UMS sentiasa berusaha memenuhi keperluan

penganjuran program bersifat pembangunan jati diri pelajar.

"Tetapi, kerana jumlahnya yang terhad, kita harap pelajar dapat lebih berdikari untuk mendapatkan tajaan dari luar untuk program mereka.

"Langkah ini juga secara tidak langsung dapat melatih mereka mewujudkan jaringan kerjasama dengan dunia luar," katanya.

Berharap graduan mereka menjagajama UMS, katanya, universiti itu akan terus menghasilkan graduan yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Seminar Sehari Pembangunan Jati Diri Belia mendapat kerjasama daripada Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah.